

Berita Harian

Sebuah Penerbitan SPH Media Limited

Saat A. Rahman

Editor

Nazry Mokhtar

Timbalan Editor

Untuk menghubungi BH bagi bahan berita

Berita Setempat:
Hadi Saparin - 6319 5038
mhadi@sph.com.sg

Berita Perniagaan & Ekonomi:
Norhaiza Hashim - 6319 5625
norhaiza@sph.com.sg

Berita Gaya Hidup:
Hanim Mohd Saleh - 6319 5418
hanim@sph.com.sg

www.beritaharian.sg

Berita Harian Singapura

beritaharian.sg

beritaharian.sg

Berita Harian ♦ SAJIAN KHAS HARI INI: SEMANGAT WATAN

Impian saksikan Piala Dunia sejak remaja terkabul

Fifa Qatar 2022 berjaya papar pertandingan menarik tanpa mengkompromi nilai-nilai Arab, Muslim

► DR AMEEN TALIB

SAYA masih seorang budak lagi pada 1978 sewaktu saya melihat Mario Kempes menjaringkan gol di televisyen dan memenangi Piala Dunia Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa) bagi Argentina.

Pada hari itu, saya menanamkan azam dan berkata kepada diri saya, “satu hari nanti saya akan menonton final Piala Dunia Fifa”.

Alhamdulillah, mimpi itu terkabul dengan adanya Fifa Qatar 2022. Sejurus Qatar diumumkan sebagai tuan rumah pertandingan edisi 2022 itu, saya berpaling ke arah anak lelaki saya, Ayman, “kami akan pergi ke situ!”

Ia pertama kali Piala Dunia Fifa diadakan di Timur Tengah.

Sebagai seorang warga Singapura berbangsa Arab, saya rasa ghairah dengan pertandingan itu diadakan di Qatar kerana saya kenal akan budaya dan bahasa negara itu.

Ia juga satu kebetulan, johan Piala Dunia tahun ini yang telah saya hadiri, adalah johan sama yang memupuk impian dalam diri saya untuk menyaksikan Piala Dunia itu.

Kempes, wira saya pada 1978, hadir bersama Emir Qatar dan presiden Perancis ketika majlis penyampaian trofi emas itu.

Perlawanan final tersebut, digembar-gemburkan sebagai perlawanan ‘duel’ antara Lionel Messi dengan Kylian Mbappé.

Malah mereka memulakan perlawanan itu sebagai penjaring gol tertinggi pertandingan tersebut dengan lima gol masing-masing.

Jaringan hatrik oleh Mbappé juga merupakan hatrik pertama yang berjaya dijaringkan dalam perlawanan final sejak Geoff Hurst pada 1966.

Hatrick itulah yang membolehkan Mbappé menerima anugerah Golden Boot sebab Messi hanya berjaya menjaringkan dua gol, namun dinobatkan anugerah Golden Ball sebagai pemain terbaik dalam pertandingan itu.

Ketika separuh pertama perlawanan final itu, semua perhatian diberi kepada Angel Di Maria, yang merobek garisan pertahanan Perancis.

Hingga ke minit ke-10, Argentina mengetuai pertandingan itu dengan skor 2-0, namun pemuda berusia 24 tahun itu berjaya menjaringkan dua gol, sekali gus meratakan perlawanan tersebut bagi Les Bleus.

Ketika tempoh tambahan, peminat Perancis menyangka bahawa mereka sudah berjaya, manakala peminat Argentina menjadi gelisah.

Peminat yang tidak menyokong sebarang pihak pula ghairah menikmatinya lagi 30 minit aksi bola sepak.

Messi kemudian menjaringkan gol pada minit ke-108, lantas membuat peminat Argentina menjadi gila.

Namun pada minit ke-118 kemudian Mbappé meratakan lagi skor menerusi penalti dengan baki dua minit sebelum waktu tambahan berakhir. Peminat Argentina pula menang.

Bagi saya secara peribadi, saya dipenuhi rasa gembira sebab lima daripada enam gol dijaringkan di bahagian stadium di mana saya berada.

Saya rasa seolah-olah, apa yang saya nikmati pada malam itu melebihi perbelanjaan saya bagi menghadiri Piala Dunia 2022.

Qatar telah menganjurkan sebuah Piala Dunia yang menarik tanpa mengkompromi nilai-nilai negaranya.

Meskipun ia menerima banyak kritikan oleh media barat, Qatar tetap berdiri teguh dengan prinsipnya.

Misalnya, arak tidak dijual di stadium. Tiada rusuhan antara peminat dilaporkan.

Stadium juga mempunyai suasana kekeluargaan, dengan ramai yang membawa anak-anak mereka termasuk anak kecil.

Ini adalah sesuatu yang boleh dipelajari dunia bola sepak sejagat.

Khidmat laluan kereta api metro disediakan percuma bagi peminat seluruh tempoh pertandingan.

Terdapat pegawai yang saling memberi arahan di luar stadium hinggakan kalimat “metro di sini” menjadi sesuatu lagu kegembiraan oleh peminat dan pegawai juga didapati bernyanyi dan menari sementara mengungkapkan kalimat itu.

Selepas Maghribi menewaskan Sepanyol pula, terdapat pegawai yang menggunakan pembesar suara “lapangan terbang Espania, lalu ke arah sini!”

Ini sebab banyak sokongan diberi kepada Maghribi di Doha.

Kampung kebudayaan Katara dan pusat komersial Souq Waqif, misalnya, dijadikan hab menggalak budaya di mana beberapa pameran dan persembahan budaya diadakan seperti pertunjukan oleh nelayan mutiara, tarian, muzik tradisional dan seni khat.

Souq Waqif menawarkan peluang bagi kanak-kanak menaiki unta serta menunjukkan pengunjung tentang cara betul bagi memakai kain pelindung kepala *Ghutra* dan *Agal*.

Terdapat juga pakaian panjang *Thawb* dan *Ghutra* yang disediakan dengan warna pasukan Piala Dunia.

Namun apa yang membuat saya kagum ialah pusat-pusat ‘teroka tentang Islam’ disediakan yang menawarkan maklumat asas berkenaan Islam dan menggalak peminat memi-

“Saya masih seorang budak lagi pada 1978, melihat Mario Kempes menjaringkan gol di televisyen dan memenangi Piala Dunia Fifa bagi Argentina.

Pada hari itu, saya menanamkan azam dan berkata kepada diri saya, ‘satu hari nanti saya akan menonton final Piala Dunia Fifa’.

Sejurus Qatar diumumkan sebagai tuan rumah pertandingan edisi 2022 itu, saya berpaling ke arah anak lelaki saya, Ayman, ‘kami akan pergi ke situ!’”

– Penulis.

kirkan tentang persepsi mereka terhadap agama kita.

Piala Dunia di Qatar ini seolah-olah dijadikan wadah untuk menggalakkan Islam dan mengurangkan fobia terhadap Islam.

Penganjuran Piala Dunia ini memang sangat baik dan berjaya

menunjukkan budaya Qatar dan Arab.

Ia juga menunjukkan perpaduan orang Arab, misalnya bagaimana mereka menyokong pasukan Maghribi.

Malah sorakan paling gemuruh diberi apabila nama Emir Qatar,

Sheikh Tamim Hamad Al Thani disebut semasa penyampaian trofi Piala Dunia itu.

Ia betul-betul sebuah Piala Dunia dijayakan ala Arab dan Muslim.

Jadi terima kasih Qatar, dan juga Maghribi kerana berjaya mewakili negara Muslim, Afrika dan Arab per-

tama ke tahap separuh akhir. *Mabrouk!*”

► Penulis ialah Ketua Projek Gunaan, Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) dan setiausaha kehormat Persatuan Arab Singapura (Al Wehda).

IMPIAN TERKABUL: Penulis (gambar sisipan, bawah) ketika berada di Stadium Lusail untuk menyaksikan final Piala Dunia Fifa 2022 antara Argentina dengan Perancis yang menyaksikan Argentina dinobatkan juara. – Foto-foto ihsan DR AMEEN TALIB

KONGSI NILAI ISLAM: Penulis berada di depan sebuah pusat Teroka Islam yang disediakan bagi pengunjung untuk mempelajari Islam di Qatar sewaktu menjadi tuan rumah Piala Dunia Fifa tahun ini.

This article was published in Berita Harian on 28 Dec 2022